

LIFE INSURANCE ASSOCIATION OF MALAYSIA

Name of Newspaper : UTUSAN MALAYSIA

Section : Ekonomi

Date : 23 Februari 2016

# Perlindungan insurans hayat cecah RM1.24 trillion

**KUALA LUMPUR** 22 Feb. - Industri insurans hayat merekodkan pertumbuhan sebanyak 6.2 peratus dalam perlindungan insurans kepada RM1.24 trillion pada 2015 berbanding RM1.17 trillion tahun lalu.

Presiden Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM), Toi See Jong (**gambar**) berkata, secara keseluruhan industri insurans hayat menyediakan perlindungan kepada 12.5 juta orang pada 2015 meningkat sebanyak 129,015 berbanding pada 2014.

Katanya, jumlah jaminan perkapita pada 2015 juga naik kepada RM39,929 daripada RM38,075 tahun sebelumnya.

Ujarnya, prestasi industri insurans hayat memberangsangkan itu mencerminkan peningkatan kesedaran berterusan dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai kepentingan perlindungan insurans.

Walau bagaimanapun, tambahnya, jumlah jaminan perkapita RM39,929 itu sebenarnya masih di tahap rendah bagi menyokong seorang anggota keluarga yang meninggal dunia atau ketua keluarga mengalami kecacatan.

"Menurut Kajian Insurans Terkurang 2012 oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan LIAM pada 2013, purata jurang kadar kematian bagi setiap anggota keluarga adalah kira-kira RM100,000 hingga RM150,000.

"Menyedari perkara ini, LIAM bersama pemain industri akan terus meningkat usaha dalam program kesedaran pengguna bagi mengurangkan jurang perlindungan insurans," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Perangkaan LIAM turut menunjukkan perniagaan insurans kumpulan mencapai kadar pertumbuhan yang kukuh 15.8 peratus pada 2015.

Persatuan berkenaan kekal yakin industri insurans hayat berdaya tahan ke atas tekanan ekonomi, memandangkan masih terdapat jurang yang luas dalam perlindungan insurans di Malaysia.

.Bagi unjuran 2016, mengambil kira ketidaktentuan ekonomi global dan tempatan serta kadar penembusan insurans yang rendah di Malaysia, industri berkenaan dijangka mencapai pertumbuhan sederhana satu angka.

